

Arabic Vocabulary Mastery of Politics and Economic among First Year Student in Public University

Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Politik dan Ekonomi dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Universiti Awam

Asmuni Zumrah, Nazipah Mat Shaid@Md. Said*, Rosni Samah

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: nazipah@usim.edu.my

Article history: Received 23 August 2019 Received in revised form: 11 March 2020 Accepted: 12 March 2020 Published online: 30 April 2020

Abstract

Arabic language learning requires vocabulary mastery to understand reading texts. The lack of mastery may impede understanding and make it difficult for students to understand certain texts in certain fields. This study aims to analyze the words mastered by students in politics and economics. It also aims to analyze the vocabulary mastery of both fields among students. This study uses quantitative method by distributing test questions to students. The results showed that vocabulary mastery of politics and economics among students was very weak. It also showed the number of words mastered in both fields is limited. Therefore, it is proposed that the texts of political and economic fields should be included in the Arabic language syllabus as their use today is deemed necessary.

Keywords: Arabic; vocabulary; mastery; politic; economy

Abstrak

Pembelajaran bahasa Arab memerlukan penguasaan kosa kata untuk memahami teks bacaan. Kelemahan penguasaan kosa kata bahasa Arab menyukarkan pelajar untuk memahami perkataan dalam bidang tertentu. Kajian bertujuan menganalisa perkataan-perkataan yang dikuasai pelajar dalam bidang politik dan ekonomi. Ia juga bertujuan menganalisa tahap penguasaan kosa kata pelajar dalam kedua-dua bidang tersebut. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan set soalan ujian yang diedarkan kepada pelajar. Hasil kajian menunjukkan jumlah perkataan yang dikuasai dalam bidang politik dan ekonomi adalah terhad. Begitu juga penguasaan kosa kata pelajar dalam kedua-dua bidang adalah sangat lemah. Dicadangkan supaya teks bidang politik dan ekonomi dimasukkan dalam sukanan pembelajaran bahasa Arab kerana penggunaannya pada hari ini menjadi satu keperluan.

Kata kunci: Bahasa Arab; kosa kata; penguasaan; politik; ekonomi

© 2020 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENGENALAN

Kosa kata merupakan kunci utama dalam membuka ruang penguasaan sesuatu bahasa. Ia menjadi penanda aras bagi menentukan kemampuan seseorang dalam 4 kemahiran utama; mendengar, menulis, membaca, dan bertutur. Secara umumnya, penguasaan kosa kata pelajar berada pada tahap membimbangkan. Hal ini menjadi punca utama yang menyekat kefahaman pelajar dalam sesuatu bidang. Lebih membimbangkan lagi apabila pelajar tidak dapat mengikuti pengajaran dengan baik di peringkat tinggi akibat kelemahan kosa kata. Beberapa kajian menunjukkan bilangan kosa kata yang dikuasai oleh pelajar tidak mencapai bilangan yang digariskan oleh sarjana linguistik. Mereka menetapkan kosa kata yang perlu dikuasai oleh pelajar di peringkat tinggi adalah antara 2000 hingga 5000 perkataan. Oleh itu, kajian ini cuba menganalisa perkataan-perkataan bahasa Arab yang dikuasai pelajar dalam bidang politik dan ekonomi juga bertujuan menganalisa tahap penguasaan kosa kata pelajar dalam kedua-dua bidang tersebut.

Kemahiran membaca merupakan kemahiran yang perlu digarap oleh pelajar bagi meningkatkan kosa kata dan membantu dalam pembinaan ayat. Terdapat masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai kemahiran ini. Zulkifli, Abd Rauf, & Che Radiah (2016) mendedahkan bahawa masih ramai pelajar yang tidak mampu membaca perkataan dan ayat bahasa Arab, apatah lagi memahaminya. Pendedahan ini juga dinyatakan oleh kajian Suhaila Zailani, Salamiah, Ummu Hani, Zuraida, & Nur Syazwina (2011), bahawa kadar pelajar yang membaca teks Arab ketika waktu lapang dan merujuk kitab turath didapati pada tahap rendah. Beliau menjelaskan bahawa pelajar hanya membaca teks Arab berkaitan agama dan bidang yang diceburi. Kamarulzaman Abdul Ghani (2011) menunjukkan purata skor dalam mengukur tahap kebolehbacaan buku teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat (BATTE) yang melibatkan 96.47% daripada

responden pelajar tingkatan empat di SMKA di Malaysia adalah 49 %, berada pada tahap kecewa. Antara faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada kelemahan kemahiran membaca bahasa Arab adalah sikap pelajar, jenis teks bacaan, dan tiada pengetahuan tentang teknik bacaan yang kritis.

Selain daripada kelemahan membaca, kelemahan menulis juga turut diketengahkan oleh beberapa penyelidik. Antaranya Noor Anida, Norhayati, & Nurazan (2014) menyatakan bahawa aspek kelemahan pelajar adalah melibatkan imlak dan ejaan, pemilihan partikel, penyesuaian gender, I'rab, penggunaan idhofah, terpengaruh dengan terjemahan bahasa ibunda dan tidak menggunakan penghubung antara ayat. Rosni Samah (2012) berpendapat struktur ayatnya yang mempunyai kesetaraan antara frasa nama dan frasa kerja turut menyumbang kepada masalah ini. Dapatkan kajian beliau menunjukkan tahap pelajar dalam menulis karangan adalah lemah. Kelemahan pelajar dalam penulisan amat membimbangkan kerana ia mempengaruhi pencapaian dalam sesuatu kursus (Noor Anida, Norhayati, & Nurazan (2014).

Begitu juga kelemahan pelajar dalam kemahiran mendengar dan bertutur kerana kurang penguasaan kosa kata (Rosni Samah, 2009a). Nadwah dan Nadhilah (2014) berpendapat bahawa pelajar lemah dalam penguasaan kemahiran mendengar kerana kosa kata yang terhad. Mereka tidak mampu membina ayat dan menyampaikan mesej dengan jelas. Harun Baharuddin (2014) dan Abdul Razif Zaini (2015) menyatakan bahawa pelajar tidak menguasai jumlah kosa kata yang sepatutnya di peringkat tertentu. Berdasarkan kelemahan-kelemahan yang dinyatakan di atas, dapat dirumuskan bahawa kosa kata memainkan peranan penting dalam penguasaan bahasa asing. Justeru itu, kajian ini cuba mengenal pasti sejauh mana pelajar sebuah universiti awam di Malaysia yang mengambil kursus wajib bahasa Arab dapat menguasai kosa kata dalam bidang politik dan ekonomi.

■2.0 TINJAUAN LITERATUR

Kosa kata merupakan asas penting dalam pembelajaran bahasa asing. Kepentingannya dapat dilihat sebagai medium pembelajaran yang membolehkan pelajar menguasai bahasa asing dengan lebih cepat (Zainur Rijal, Rosni, Mohammad Fauzi, & Mohd Shahriman 2016). Buku teks juga salah satu medium pembelajaran bahasa yang membekalkan saiz kosa kata. Justeru itu, kosa kata menjadi keperluan kepada pelajar untuk memahami sesuatu subjek (Zainur Rijal, Rosni, Mohammad Fauzi, & Mohd Shahriman 2016.; Nik Mohd Rahimi, Zahriah, & Wan Normeza, 2014). Sekiranya proses ini tidak berlaku, pelajar akan menghadapi kesukaran untuk memahami pelajaran terutamanya apabila melanjutkan pengajian di peringkat tinggi (Zainur Rijal, Rosni, Mohammad Fauzi, & Mohd Shahriman, 2016); Rosni Samah, 2010).

Kosa kata berperanan sebagai aspek penting untuk memahami teks. Menurut Zainur Rijal, Rosni, Mohammad Fauzi, & Mohd Shahriman (2016), kosa kata membolehkan pelajar memahami sesuatu bidang secara asas. Abdul Razif, Khirulnizam, Muhammad Haron, Khairil Ashraf, Saifulah, & Mohd Zaki (2016) pula menyatakan kosa kata mampu menentukan tahap kefahaman seseorang dalam pembacaan teks. Manakala Nor Yazidah, Che Radiah, Nik Farhan, & Mohd Sukki (2016) menjelaskan bahawa kosa kata perlu difahami mengikut konteks ayat untuk mendapatkan makna yang tepat. Rosni Samah (2014) pula berpendapat penguasaan kosa kata membolehkan pelajar menterjemahkan kosa kata yang dikuasai dalam ayat bacaannya. Tanpa kosa kata, pelajar tidak mampu memahami teks, apatah lagi untuk membina ayat sendiri.

Nor Yazidah, Che Radiah, Nik Farhan, & Mohd Sukki (2016), Rosni Samah (2009b), Abdul Razif, Khirulnizam, Muhammad Haron, Khairil Ashraf, Saifulah, & Mohd Zaki (2016) mendedahkan kemahiran yang memerlukan penguasaan kosa kata bagi membina ayat sendiri adalah kemahiran bertutur. Ia disokong oleh Nor Yazidah, Che Radiah, Nik Farhan, & Mohd Sukki (2016) yang menyatakan bahawa kosa kata penting bagi menjalankan proses komunikasi. Manakala Abdul Razif, Khirulnizam, Muhammad Haron, Khairil Ashraf, Saifulah, & Mohd Zaki (2016) berpendapat bahawa hanya penguasaan saiz kosa kata yang mencukupi mampu menjadikan sesuatu interaksi berlaku.

Rosni Samah (2013) dalam bukunya yang berjudul “Kaedah Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Arab” menyatakan penguasaan bahasa Arab dapat dikuasai dengan baik melalui pengumpulan kosa kata yang banyak berulang dalam pelbagai bidang. Untuk penguahan kosa kata, pelajar hendaklah sentiasa membudayakan penggunaannya. Beliau juga menjelaskan bahawa pengumpulan kosa kata boleh dicapai melalui empat kaedah iaitu pembacaan, pendengaran, penggunaan kamus dan interaksi. Selain itu, beberapa aktiviti bahasa dapat dijalankan bagi membantu dalam mengingati dan membudayakan penggunaan kosa kata bahasa Arab. Antara aktivitinya adalah membaca, menulis, menonton secara berterusan, terjemahan, permainan menggunakan gambar, berinteraksi, aktiviti bahasa, perdebatan, lawatan sambil belajar, dan permainan bahasa.

Kajian Zamri Ahmad dan Ibtisam Abdullah (2014) bertujuan mengkaji metod pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berdasarkan empat kemahiran iaitu membaca, bertutur, menulis dan mendengar. Metod yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah pendekatan komunikatif. Ia adalah pendekatan yang berlandaskan kepada pemikiran bahawa kemampuan menggunakan bahasa dalam berkomunikasi merupakan tujuan yang harus dicapai dalam pembelajaran bahasa.

Irma Martiny, Maimun, Zaid Arafat, & Aisyah (2017) menyatakan dalam kajiannya bahawa para pelajar masih memerlukan bantuan dan kebergantungan kepada guru dan rakan dalam menguasai kosa kata. Pelajar kurang berusaha dan berdikari untuk mendapatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab.

Nik Mohd Rahimi, Zahriah, & Wan Normeza (2014) menjelaskan tentang pembelajaran kosa kata bahasa Arab secara aturan semantik dan secara aturan bebas. Aturan kluster semantik adalah himpunan kosa kata mengikut kelompok di bawah petunjuk makna yang sama. Contohnya “polis”, “bomba” dan “posmen”. Manakala aturan kluster bebas adalah himpunan kosa kata mengikut kelompok tanpa petunjuk makna yang sama (Tinkham 1993). Sebagai contoh “buku”, “kereta”, “almari” dan “guru”. Dalam kajian ini, penulis menyatakan bahawa aturan kluster bebas adalah pendekatan terbaik untuk menguasai dan mempelajari kosa kata bahasa Arab. Pelajar dapat mengingati kembali kosa kata bahasa Arab dengan lebih banyak melalui aturan kluster bebas berbanding aturan kluster semantik.

Rohaizaf, Rosni, & Azlan (2018) mengkaji penggunaan Kaedah Terus dalam pengajaran kemahiran bertutur yang dapat membantu pelajar menguasai kosa kata dengan baik dan meningkatkan kemahiran bertutur. Menurut mereka, Kaedah Terus adalah kaedah yang digunakan pada masa kini mengikut teori pembelajaran bahasa Ibn Khaldun “ulang dan ajuk”. Mereka menjalankan kajian melalui kaedah eksperimen terhadap kaedah eksperimen terhadap dua kumpulan sampel kajian iaitu kumpulan eksperimen (kajian) dan kumpulan kawalan. Kajian ini dijalankan melalui tiga proses iaitu pra-ujian, ujian pertengahan dan ujian pasca. Hasil kajian menyatakan bahawa

tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dan penguasaan saiz kosa kata bagi kumpulan eksperimen adalah meningkat dengan menggunakan Kaedah Terus dalam bahasa Arab.

Azhar bin Muhammad (2012) menggunakan kaedah komunikatif berdasarkan teori “Bahasa Adalah Komunikasi” mengikut Ibnu Khaldun. Kajian ini dijalankan secara eksperimen terhadap dua kumpulan iaitu kawalan dan eksperimen (kajian). Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar dapat menguasai dan menambah saiz kosa kata dan bertutur dengan baik melalui Kaedah Komunikasi dua hala. Kajian tersebut menyatakan bahawa kumpulan kajian yang tiada asas bahasa Arab mendapat peratusan yang tinggi berbanding pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab. Kesimpulannya, kumpulan eksperimen dapat menguasai dan menambah saiz kosa kata serta bertutur bahasa Arab dengan baik melalui penggunaan Kaedah Komunikatif.

Abdul Razif Zaini (2015) menyatakan penguasaan kosa kata bahasa Arab melalui kaedah metakognitif dalam kalangan pelajar kurang digunakan untuk memahami bahasa Arab. Beliau menjelaskan hanya tiga strategi sahaja yang dilazimi oleh pelajar untuk memahami dan menguasai bahasa Arab iaitu strategi penentuan, kognitif, dan memori.

Berdasarkan pandangan para penyelidik di atas tentang kepentingan, kaedah pengajaran, dan penguasaan saiz kosa kata pelajar, dapat dirumuskan bahawa asas utama dalam pembelajaran bahasa Arab adalah penguasaan kosa kata melalui aktiviti pembelajaran yang efektif dan juga strategi yang digunakan oleh pelajar. Kosa kata boleh dikuasai melalui bahan bacaan berkala seperti surat khabar. Pelajar hendaklah menguasai saiz kosa kata yang baik untuk memahami bahan bacaan tersebut terutamanya apabila mereka berada di peringkat universiti bagi mengetahui isu-isu semasa yang berlaku pada hari ini terutamanya dalam bidang politik dan ekonomi.

■3.0 METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kosa kata pelajar dalam bidang politik dan ekonomi daripada surat khabar Arab menggunakan kaedah kuantitatif iaitu set soalan ujian yang diedarkan kepada pelajar. Set soalan tersebut dibina melalui teks daripada *Akhbar al-Atheer*. Ia mengandungi bahagian teks petikan dalam isu politik dan ekonomi, dan bahagian kosa kata pilihan yang selalu berulang dalam surat khabar bagi mengukur tahap penguasaan mereka.

Tujuan utama metod ini adalah untuk mengetahui penguasaan kosa kata berulang dalam petikan surat khabar yang dikuasai oleh pelajar dalam bidang politik dan ekonomi. sebanyak 30 kosa kata dipilih dalam bidang politik dan 20 kosa kata dipilih dalam bidang ekonomi. Setiap kosa kata yang betul diberi satu markah mengikut kesesuaian jawapan terjemahan tersebut. Tahap penguasaan dikira daripada terjemahan perkataan yang betul. Ia terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A adalah tentang latar belakang responden. Bahagian B kosa kata dalam bidang politik yang perlu diterjemahkan oleh pelajar. Manakala, bahagian C kosa kata pilihan daripada bidang ekonomi. Setiap bahagian B dan C dilengkapkan dengan teks yang dipetik daripada *Akhbar al-Atheer*.

Pemilihan 50 kosa kata yang selalu berulang dalam bidang politik dan ekonomi telah melalui saringan pakar yang mengesahkan bahawa perkataan tersebut mempunyai kekerapan yang tinggi dalam petikan surat khabar.

Jadual 1 Tahap kebolehpercayaan instrumen kajian

Sub-Konstruk	Bil. Item	Kebolehpercayaan
Politik	30	0.912
Ekonomi	20	0.913

Jadual 1 menunjukkan tahap kebolehpercayaan instrumen kajian untuk set ujian pelajar yang terdiri daripada perkataan dalam bidang politik dan ekonomi. Dengan menggunakan ujian kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha*, keputusan membuktikan bahawa kedua sub-konstruk politik dan ekonomi mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu melebihi 0.7 masing-masing dengan 0.912 bagi politik dan 0.913 bagi ekonomi.

Sampel kajian dipilih secara rawak seramai 231 orang pelajar daripada kumpulan yang mengambil kursus bahasa Arab wajib universiti pada semester 2 2017/2018. Mereka adalah pelajar lepasan sekolah yang mengambil bahasa Arab di peringkat SPM, pra universiti seperti Tamhidi, Asasi, Tingkatan 6 STAM, dan SPM.

Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) yang melibatkan statistik deskriptif iaitu kekerapan.

■4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan untuk menguji penguasaan kosa kata akhbar dalam kalangan pelajar USIM yang mengambil kursus bahasa Arab wajib universiti pada semester 2 2017/2018. Sebanyak dua petikan diambil daripada *Akhbar al-Atheer* yang melibatkan 30 perkataan dalam bidang politik dan 20 perkataan dalam bidang ekonomi. Pelajar diminta untuk menterjemahkan perkataan yang dipilih daripada teks kepada bahasa Melayu tanpa merujuk kamus atau bertanya kawan. Semua perkataan disusun mengikut jadual berdasarkan bilangan perkataan yang betul (Rujuk Jadual 2).

Objektif 1: Menganalisa perkataan-perkataan yang dikuasai oleh pelajar dalam bidang politik dan ekonomi.

Jadual 2 Klasifikasi peratusan perkataan yang diterjemah dengan betul

Klasifikasi jadual berikut menunjukkan peratusan perkataan yang diterjemah dengan betul					
Kategori	Sangat Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi	Sangat Tinggi
Peratus Betul	0-19	20-39	40-59	60-79	80-100

1. Kosa Kata dalam bidang politik

Jadual 3 Perkataan yang mendapat jawapan tertinggi

PERKATAAN	BETUL (%)
أزمة	36.8
موقع	35.1
وسائل	26.0

Jadual 3 menunjukkan hanya tiga perkataan sahaja beroleh peratus betul pada tahap rendah (20-39). Tiada perkataan yang memperoleh jawapan betul pada tahap sederhana, tinggi, dan sangat tinggi. Tiga perkataan yang berada pada tahap rendah iaitu أزمة (krisis), موقع (balai), وسائل (media).

Jadual 4 Perkataan yang mendapat jawapan terendah

PERKATAAN	BETUL (%)
يتفقون	17.7
أحدث	13.9
التابعة	12.1
صراع	11.7
إرهاب	11.3
مضطهدين	10.0
تعاطف	10.0
عمليات	8.7
اضطهاد	8.2
قيض	8.2
استغلال	7.8
مؤتمر صحفي	7.8
مسلمون	6.9
مسؤول	6.1
هاجم	6.1
مشتبه	5.6
مقاطع	5.2
أعقب	4.8
تجنيد	4.3
قاعدة	4.3
محاربة	2.2
مضادا	1.7
خلال	1.3
قبل	0.4
مدعومين	0
مكافحة	0
أسفر	0

Jadual 4 menunjukkan 27 perkataan beroleh peratus betul pada tahap sangat rendah (0-19). Terdapat tiga perkataan yang tidak mendapat apa-apa jawapan daripada pelajar. Hasil analisa membuktikan bahawa secara umumnya penguasaan kosa kata akhbar dalam bidang politik dalam kalangan pelajar adalah sangat lemah.

2. Kosa Kata dalam bidang ekonomi

Jadual 5 Perkataan yang mendapat jawapan tertinggi

PERKATAAN	BETUL (%)
تسجيل	29.9
ابتعاد	27.3
أجانب	20.3

Jadual 5 menunjukkan hanya tiga perkataan sahaja beroleh peratus betul pada tahap rendah (20-39). Tiada perkataan yang memperoleh jawapan betul pada tahap sederhana, tinggi, dan sangat tinggi. Tiga perkataan yang berada pada tahap rendah iaitu تسجيل (pendaftaran), ابعاد (menjauhi), وسائل (warga asing).

Jadual 6 Perkataan yang mendapat jawapan terendah

PERKATAAN	BETUL (%)
تجنب	17.3
رسوم	15.6
حاليا	13.4
مؤكّد	12.6
المخالفين	9.1
أشار	8.7
سجلات	8.2
ضد	7.4
امتنال	6.5
تقديم	6.1
أرباب	5.6
أفاد	5.6
إجراءات	4.8
موافقة	4.3
وسطاء	1.7
وضع	0
تلبية	0

Jadual 6 menunjukkan 17 perkataan beroleh peratus betul pada tahap sangat rendah (0-19). Terdapat dua perkataan yang tidak mendapat apa-apa jawapan daripada pelajar. Hasil analisa membuktikan bahawa secara umumnya penguasaan kosa kata akhbar dalam bidang ekonomi dalam kalangan pelajar adalah sangat lemah.

Objektif 2: Menganalisa tahap penguasaan pelajar bagi perkataan-perkataan dalam bidang politik dan ekonomi.

Klasifikasi jadual 7 berikut menunjukkan peratusan markah pelajar

Jadual 7 Klasifikasi peratus markah pelajar

Kategori	Sangat Lemah	Lemah	Memuaskan	Baik	Cemerlang
Markah	0-10	11-20	21-30	31-40	41-50

Jadual 8 Peratusan pelajar mengikut markah

BIL. PELAJAR (%)	MARKAH
91	0-10/50
3	11-20/50
3	21-30/50
3	31-40/50
0	41-50/50

Jadual 8 menunjukkan pelajar yang memperoleh markah pada skala lemah, memuaskan, dan baik sebanyak 3% pada setiap skala. Manakala sebanyak 91% mendapat markah pada skala sangat lemah (0-10). Tiada seorang pun yang berada pada skala cemerlang. Analisa menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak menguasai kosa kata berulang dalam bidang politik dan ekonomi.

■5.0 KESIMPULAN

Kajian ini menganalisa tahap penguasaan pelajar bagi kosa kata dan perkataan-perkataan yang dikuasai dalam bidang politik dan ekonomi. Bagi menjawab persoalan di atas, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu set soalan ujian yang diberikan kepada pelajar sebagai instrument pengumpulan data. Hasil jawapan yang diperolehi menunjukkan penguasaan kosa kata dalam bidang politik dan ekonomi dalam kalangan pelajar adalah sangat lemah. Begitu juga bilangan perkataan yang dapat diterjemah dengan betul terlalu sedikit. Terdapat juga perkataan yang langsung tidak dapat diterjemah oleh pelajar.

Berdasarkan keputusan terjemahan pelajar dalam bidang politik dan ekonomi hanya 3% yang mendapat markah tertinggi antara 31 hingga 40 daripada 50 markah penuh. Manakala 91% mendapat markah antara 1 hingga 10 daripada 50 markah penuh.

Berdasarkan markah yang diperolehi, didapati pelajar tidak menguasai kosa kata dalam bidang politik dan ekonomi. Kelemahan penguasaan kosa kata menyebabkan pelajar tidak mampu memahami teks dan menterjemahkan perkataan dengan betul (Rosni, 2010). Pelajar didapati kurang membaca teks dalam bidang politik dan ekonomi kerana kurang pendedahan dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP) bahasa Arab. Oleh yang demikian, beberapa penyelidik mengenal pasti bahawa penguasaan kosa kata dalam bidang tertentu dapat ditingkatkan melalui penggunaan dan pembudayaan bacaan dalam PnP (Rosni Samah, 2013; Nik Mohd Rahimi dll, 2014; Zainul Rijal dll, 2016). Tambahan pula, pelajar tidak menggunakan strategi dalam menguasai kosa kata yang menyebabkan mereka bergantung penuh kepada guru dan rakan. Untuk menguasai kosa kata bahasa Arab dengan baik, pelajar perlu berdiskusi dan menggunakan strategi yang tepat

(Irma Martini dll, 2017). Kelemahan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar juga mempengaruhi penguasaan terhadap empat kemahiran bahasa yang lain; membaca, bertutur, menulis, dan mendengar. Mengikut pandangan Zamri Ahmad dan Ibtisam Abdullah (2014), pendekatan komunikatif perlu digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab kerana komunikasi merupakan elemen utama yang harus dikuasai oleh pelajar.

Bagi mengatasi masalah ini, beberapa cadangan dikemukakan. Antaranya, pendedahan pelbagai bidang dalam sukanan bahasa Arab terutamanya bidang politik dan ekonomi. Menurut Zainul Rijal dll. (2016) pendedahan ini bertujuan membolehkan pelajar memahami asas perkataan dalam sesuatu bidang. Selain itu, budaya penggunaan kamus dan cara penggunaannya yang betul dalam kalangan pelajar perlu dipraktikkan bagi menguasai dan memahami kosa kata mengikut konteks ayat. Cadangan ini seiring dengan kajian Rosni Samah (2016) yang menyatakan bahawa pengukuhan kosa kata dapat dicapai melalui empat kaedah, antaranya ialah penggunaan kamus. Menurut Rohaizaf Mizani Mat Zin dll. (2018) pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar. Antara kaedah yang disarankan adalah kaedah terus iaitu ulang dan ajuk, yang mana berpandukan teori pembelajaran bahasa Ibnu Khaldun.

Dicadangkan supaya teks bidang politik dan ekonomi dimasukkan dalam sukanan bahasa Arab kerana keperluan penggunaannya pada hari ini. Penguasaan kosa kata dalam bidang tersebut memerlukan strategi dan kaedah pembelajaran bahasa yang sesuai. Bahan bacaan yang pelbagai termasuklah surat khabar dan majalah dapat membantu pelajar untuk sentiasa berinteraksi dengan kosa kata yang sentiasa berulang dalam bidangnya. Kepada pihak bertanggungjawab hendaklah melihat keluasan bidang pengetahuan dalam merangka sukanan pelajaran bahasa Arab agar sesuai dengan kehendak *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*. Begitu juga, bahan bacaan sampingan hendaklah dipelbagaikan.

Kesimpulannya, penguasaan pelajar bagi kosa kata dalam bidang politik dan ekonomi adalah sangat lemah. Begitu juga, terdapat perkataan-perkataan yang tidak mampu diterjemah. Sedangkan perkataan-perkataan tersebut merupakan perkataan yang sentiasa berulang dalam kedua-dua bidang. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa Arab hanya terbatas kepada bidang-bidang tertentu sahaja. Begitu juga, pelajar hanya bergantung kepada guru dan bahan yang disediakan. Mereka tidak menggunakan strategi dalam pembelajaran bahasa yang boleh membantu dan meningkatkan penguasaan kosa kata. Melalui strategi pembelajaran bahasa, mereka menjadi aktif dan terarah dalam mencari bahan bacaan sampingan serta membentuk aktiviti bahasa di luar kelas.

Implikasi daripada kajian ini didapati pelajar lemah dalam memahami teks dalam bidang politik dan ekonomi. Pelajar juga kurang diberi pendedahan terhadap teks dalam kedua-dua bidang ini menyebabkan mereka tidak mampu menguasai kosa kata yang berulang.

Limitasi kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar tahun satu di sebuah universiti awam yang mengambil kursus wajib bahasa Arab. Begitu juga dengan teks bacaan yang berfokus kepada bidang politik dan ekonomi.

Rujukan

- Abdul Razif bin Zaini (2015), Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di Peringkat Universiti, *Tesis PhD*, Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM, KL.
- Abdul Razif Zaini, Khirulnizam Abd Rahman, Muhammad Haron Husaini, Khairil Ashraf Elias, Saifulah Samsudin, & Mohd Zaki Abd Rahman (2016). Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Berbantuan Aplikasi. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (IRSYAD)*, 1845-1859.
- Azhar Muhammad (2014). Istikhdam al-Toriqah al-Tawasuliyah fi Ta'alim al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Natiqin bi Ghairiha. Kajian Eksperimen di Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). *Tesis PhD*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Irma Martiny Md Yasim, Maimun Aqsha Lubis, Zaid Arafat Mohd Noor, Aisyah Sjahrony, (2017) Penggunaan Teknik Pembelajaran Aspek Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid, *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 14-24. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nadwah Daud, and Nadhilah Abdul Pisal, (2014) *Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua*. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 14 (1), 117-133
- Nik Mohd Rahimi, Zahriah Hussin, & Wan Normeza (2014). Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Secara Aturan Kluster Semantik dan Aturan Kluster Bebas. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 33-38.
- Noor Anida Awang, Norhayati Che Hat, & Nurazan Mohmad Rouyan. (2014). Analisa Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar UniSZA. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014 Bangi*: Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA. Pg 1-11.
- Nor Yazidah Yahya, Che Radiah Mezah, Nik Farhan Mustapha, & Mohd Sukki Othman (2016). Pemilihan Kosa Kata dalam Pembinaan Modul Pembelajaran Asas Bahasa Arab untuk Pelajar Warga Emas. *Jurnal AL-ANWAR*, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT). 2(2), 73-92.
- Rohaizaf, Rosni Samah dan Azlan. (2018). *Ta'lim Maharatul Kitabah Billughah Arabiyyah lil Natiqina bighairiha Asaru Istikhdam Tariqah Mubasyirah* . Nilai: USIM.
- Rosni bin Samah. (2009a). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah (2010). Pendekatan Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab di Peringkat Menengah Rendah: Kajian kepada Guru Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL). *Jurnal Majlis Dekan Pendidikan Malaysia (MEDC)*.
- Rosni Samah (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Lepasan Sekolah Menengah Agama. *Gema Online, Jurnal Pengajaran Bahasa*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 12(2), 555-569.
- Rosni Samah (2013). Kaedah Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Arab. USIM.
- Rosni Samah, Fariza Puteh-Behak, Noor Saazai Mat Saad, Suraini Mohd Ali, Ramiaida Darmi, Haliza Harun. (2016). "Effective Methods in Learning Arabic Language as a Foreign Language". *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(3), 349-355.
- Rosni Samah. (2009b). *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Penutur Bukan Jati*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah. (2014). "Suggested Strategies for Non-Arabic Speakers in Learning Arabic Language". *Pensee Journal*, 76(1), 232-239.
- Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj. Hashim, Zuraida Shaaddon & Nur Syazwina Mustapa (2011). Tujuan Membaca Teks Arab Serta Masalah Yang Dihadapi: satu tinjauan awal di Fakulti Pengajian Islam. *Kongres Pengajaran & Pembelajaran UKM 2011*.
- Tinkham, T. (1993). The Effect of Semantic Clustering on the Learning of Second Language Vocabulary. *System*. 21, 371–380.
- Zainur Rijal Abdul Razak, Rosni Samah, Mohammad Fauzi Jumingen, & Mohd Shahriman Abu Bakar (2016). Kebolehan Menguasai Kosa Kata Bahasa Arab dalam Buku Teks di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 33-43.
- Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah (2014). Metod Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Empat Kemahiran. Fakulti Pengajian Islam, UKM. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*.
- Zulkifli Che Kob, Abd Rauf Hassan, Che Radiah Mezah (2016). Penguasaan Bacaan Nyaring Bahasa Arab J-Qaf dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 3(3), 110-134. Kolej Universiti Islam Selangor